

ورتا فرنشن Warta Penerangan



MAC 2016





**Terbitan Bahagian Pengurusan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Salawati binti Sabli
Salwa binti Hj Ghazali

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

	Muka
Majlis Mesyuarat Negara mulakan persidangan	5
Program RRP dilaratkan ke Daerah Tutong	6 - 7
Program RRP sebarluas maklumat semasa	8
Kunjungan muhibah WI Langkawi ke Jabatan Penerangan	9 - 10
Program Awasi Anak Kitani tingkatkan kesedaran ibu bapa	11
Politeknik Brunei kunjungi Jabatan Penerangan	12
Sesi pembentangan penempatan kerja penuntut	13
Taklimat Kenegaraan semai semangat patriotism	14
Tingkatkan semangat patriotik pelajar	15
Jerayawara kenali ASEAN	16
Jerayawara suntik semangat perpaduan ASEAN-ness	17
Taklimat awal bagi penyertaan Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Negara kali ke-7, 2016	18
Kongsi pengalaman dalam bidang Penerangan	19
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / program pada bulan Mac 2016	20 - 22
St. George juara Pertandingan koir, Lagu Patriotik	23
Kenaikan pangkat pegawai-pegawai Jabatan Penerangan	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

MAJLIS MESYUARAT NEGARA MULAKAN PERSIDANGAN

Foto: Ihsan Unit Perhubungan Awam Jabatan Penerangan



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Mac - Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi tahun ini berlangsung pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 Hijrah bersamaan dengan 5 Mac 2016 Masihi bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di Jalan Dewan Majlis.

Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas MMN disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

MMN Musim Ke-12 ini dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib dan dibantu oleh Jurutulis MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar dan Timbalan Jurutulis MMN, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail.

Persidangan MMN pada tahun ini memasuki usia 12 tahun bersidang sejak ia diwujudkan semula dan pada tempoh tahun-tahun majlis bersidang, ia telah banyak membincangkan dan membahaskan isu-isu dan persoalan untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Antara peranan utama Jabatan Penerangan termasuklah penubuhan Pusat Media yang berperanan sebagai 'one-stop-centre' kepada para media massa dengan menyediakan kemudahan membuat liputan dan sebagai pusat penyebaran maklumat yang pantas dan tepat mengenai sesuatu acara.

Dalam pada itu, para petugas di Jabatan Penerangan turut memainkan peranan penting semasa berlangsungnya Persidangan MMN tersebut yang terdiri daripada Pegawai Penghubung Media (MRO), pemberita dan juga jurugambar.

MRO bertanggungjawab dalam mengendalikan para pengamal media termasuk mengawal pergerakan pemberita dan jurugambar yang membuat liputan di tempat berlangsungnya Persidangan tersebut.



Gambar-gambar semasa persediaan dibuat sebelum Majlis Mesyuarat Negara 2016 berlangsung.

Program RRP dilaratkan ke Daerah Tutong

Oleh: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



SESI bergambar ramai bersama tetamu kehormat.



TAKLIMAT Kenegaraan mengenai dengan “Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan” disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya.

Turut hadir ialah Ketua Kluster 5, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman; guru-guru serta kakitangan dan penuntut-penuntut Sekolah Menengah Tanjong Maya.

TUTONG, Selasa, 15 Mac - Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) dilaratkan lagi ke Daerah Tutong yang diadakan di Sekolah Menengah Tanjung Maya di sini.

Acara tersebut dianjurkan oleh Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong dan Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dengan kerjasama Sekolah Menengah Tanjung Maya.

Majlis diteruskan dengan tayangan video animasi ‘Tatacara Pengibaran Bendera Negara’ dan video ‘Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara’.

Sejurus selepas itu satu Taklimat Kenegaraan mengenai dengan “Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan” disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.

Penuntut yang hadir juga telah dihiburkan dengan persembahan nyanyian dan lawak jenaka daripada artis dan pelawak-pelawak undangan tanah air, menerusi lawak jenaka juga penuntut-penuntut berpeluang untuk menjawab Kuiz Kenegaraan.

Hadiyah-hadiah kuiz disampaikan oleh tetamu kehormat majlis dan diteruskan dengan penyampaian cenderahati.

Program RRP merupakan program persembahan khusus bagi golongan remaja terutama bagi pelajar sekolah dalam menyebarluaskan maklumat semasa.



HADIR selaku tetamu kehormat Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya.



TETAMU kehormat menyampaikan cenderahati kepada Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.



PENYAMPAIAN hadiah kuiz oleh tetamu kehormat.



PERSEMBAHAN puisi "Suara Anak Merdeka" hasil nukilan Puteri Cinta Hati

Objektif program tersebut adalah untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa; menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja, serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Program tersebut juga bertujuan untuk memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif, dan dalam masa yang sama, ia adalah untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpimpin.



SEBAHAGIAN daripada penuntut yang hadir.



PERSEMBAHAN Teater Perang Kastella yang telah dipersembahkan oleh penuntut-penuntut sekolah tersebut.

Program RRP sebarluas maklumat semasa



TETAMU Kehormat majlis, Penolong Pengarah Imigresen, Cawangan Imigresen Kuala Belait, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Sudin (lima, kiri) ketika bergambar ramai bersama kakitangan Jabatan Penerangan selaku pengajur program, pengetua dan guru-guru Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Rashidah, Lumut serta pelawak-pelawak undangan tanah air.

Berita dan Foto :
Noraisah Muhammed

LUMUT, Selasa, 8 Mac. - Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) merupakan program persembahan khusus bagi golongan remaja terutama pelajar sekolah dalam menyebarluaskan maklumat semasa.

Objektif program tersebut ialah untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa; menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja, serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Program RRP yang dilaratkan ke daerah-daerah kali ini diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Rashidah, Lumut, di sini.

Program anjuran Jabatan Penerangan Cawangan Penerangan Daerah Belait itu juga bertujuan untuk memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif, dan dalam masa yang sama, ia adalah untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpimpin.

Penolong Pengarah Imigresen, Cawangan Imigresen Kuala Belait, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Sudin hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir ialah Pengetua Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Dayang Helizawati binti Haji Kepli.



Program Rakan Remaja Penerangan dilaratkan ke Daerah-Daerah dan kali ini diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Rashidah, Lumut.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.

Acara berkenaan dimeriahkan lagi dengan tayangan video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan persembahan 'Choral Reading' (bahasa Inggeris dan bahasa Melayu), Penyampaian Sajak dan Persembahan Pentas Drama yang bertajuk 'Negaraku Brunei Darussalam' yang disampaikan oleh penuntut-penuntut sekolah tersebut telah berjaya mengimbau perjuangan silam rakyat yang berjuang mempertahankan kedaulatan negara.

Seramai 300 Penuntut dari Tahun 7, 9 dan 10 yang hadir juga dihiburkan dengan lawak jenaka dan kuiz yang disampaikan oleh pelawak-pelawak undangan tanah air yang membangkitkan lagi semangat Rakan-Rakan Remaja Penerangan.

Kunjungan muhibah WI Langkawi ke Jabatan Penerangan

Oleh: Haniza Abdul Latif, Fakhri Jamil
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Marwardi bin Haji Mohammad semasa bergambar ramai bersama Rombongan dari W.I. Langkawi, Kedah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu 12 Mac. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) hari ini menerima kunjungan muhibah serombongan 13 ahli Pertubuhan Perkumpulan Wanita (WI) Langkawi, Malaysia di Bilik Persidangan, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Penerangan, Berakas.

Kedatangan rombongan yang diketuai oleh Timbalan Setiausaha Agung II, Pertubuhan WI Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Salenawati binti Haji Md. Saji, dialu-alukan oleh pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.

Rombongan seterusnya mendengarkan taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli / Haji Ramli yang mana antara lain menyentuh mengenai peranan utama Jabatan Penerangan dalam menjaga imej raja, negara serta kerajaan sebagai lidah dan telinga kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program-program kerajaan kepada seluruh lapisan masyarakat, yang disampaikan oleh Pegawai-pegawai Penerangan di jabatan tersebut.

Pengerusi Rombongan WI Langkawi, Datin Paduka Siti Zaleha binti Mat Gelam ketika ditemui melahirkan rasa berterima kasih kerana kehadiran mereka begitu dialu-alukan dengan baik sekali dan berbesar hati kerana berpeluang melawat Jabatan Penerangan yang sedikit sebanyak boleh menambah pengalaman dan pengetahuan rombongan tersebut.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menerima cenderahati yang disampaikan oleh Datin Siti Zaleha binte Mat Gelam, Pengerusi Rombongan WI Langkawi.



TAKLIMAT mengenai Jabatan Penerangan disampaikan oleh Awang Ali Termizi bin Haji Ramli, Pegawai Penerangan.



SEBAHAGIAN daripada ahli rombongan W.I. Langkawi, Kedah semasa mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan.



DATIN Siti Zaleha binte Mat Gelam semasa ditemu bual oleh wakil Pelita Brunei semasa mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan.



ROMBONGAN semasa mengadakan lawatan ke Mini Pameran, Jabatan Penerangan.

“Saya berasa amat teruja atas aktiviti yang telah dihasilkan oleh pihak Jabatan Penerangan dan inisiatif jabatan ini untuk menyampaikan maklumat dan berita kepada orang ramai,” ujarnya.

Tambahnya, tujuan utama lawatan ini ialah untuk mengeratkan silaturahim dan menjadikan ia lawatan muhibah ke Jabatan Penerangan dan mengenali lebih lanjut lagi fungsi jabatan ini. Semasa lawatan tersebut, rombongan juga mengadakan lawatan ke Mini Pameran Jabatan Penerangan, Unit Fotografi dan Bahagian Pelita Brunei.



AKHBAR rasmii Pelita Brunei turut sama menerima kunjungan rombongan.

Program Awasi Anak Kitani tingkatkan kesedaran ibu bapa

Oleh: Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin, Fakhri Jamil
Foto : Nordina Haji Abdul Rahman



HADIR selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar



TAKLIMAT disampaikan oleh Penolong Pegawai Narkotik, BKN, Awang Mohd. Izman bin Haji Tarip.

BENGKURONG, Sabtu, 19 Mac. - Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN) mengadakan ‘Program Awasi Anak Kitani’ sebagai meningkatkan kesedaran ibu bapa mengenai bahaya penyalahgunaan dadah yang boleh menjerumuskan anak-anak mereka kepada aktiviti yang tidak sihat tersebut.

Majlis tersebut diungkayahkan dengan kerjasama BKN dan Unit Hubungan Masyarakat berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas, Kampung Bengkurong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Para hadirin berpeluang mendengar taklimat mengenai jenis-jenis dadah dan hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang memiliki serta mengedar dadah di negara ini yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Narkotik, BKN, Awang Mohd. Izman bin Haji Tarip.

Antara tindakan utama ke arah ini adalah bermula dari rumah, iaitu dengan memberi perhatian khusus kepada anak-anak dan memastikan segala aktiviti mereka di luar rumah adalah aktiviti yang sihat dan berfaedah.

Program berkenaan dihadiri oleh Penghulu Mukim Kilanas/Pemangku Ketua Kampung Tanjung Bunut, Awang Haji Abdullah bin Haji Halus juga para ibu bapa dan penjaga.



PARA tetamu menyaksikan pameran, mengenai dadah berbahaya yang turut diadakan dalam program tersebut.

Politeknik Brunei kunjungi Jabatan Penerangan

Oleh: Rohani Haji Abd. Hamid

Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar menyampaikan kata alu-aluan semasa lawatan rombongan dari Politeknik Brunei.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar menyampaikan cenderahati kepada wakil rombongan iaitu Pensyarah Politeknik Brunei, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Zainal.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Mac. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) menerima lawatan rombongan seramai 16 orang pelajar dari Politeknik Brunei bersama dua orang guru bertempat di Bilik Persidangan, Bangunan Tambahan, Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, di sini.

Pada lawatan tersebut, rombongan dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan dalam ucapannya beliau antara lain mengucapkan terima kasih kepada rombongan kerana berkesudian mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan yang diharap memberi manfaat kepada kedua belah pihak.

Rombongan juga diberikan taklimat mengenai dengan peranan utama jabatan dalam menjaga imej raja, negara dan kerajaan, juga sebagai ‘lidah’ dan ‘telinga’ kerajaan dalam menyampaikan maklumat serta berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan kepada seluruh lapisan masyarakat yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli / Haji Ramli.



Acara diteruskan dengan sesi soal jawab dan lawatan ke Mini Pameran, Unit Perkhidmatan Foto dan Bahagian Pelita Brunei



ROMBONGAN Politeknik Brunei bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan.

Sesi pembentangan penempatan kerja penuntut



SESI bergambar ramai.

Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Bandar Seri Begawan, khamis, 31 Mac - Majlis Penyampaian sijil dan Sesi pembentangan hasil penempatan penuntut-penuntut daripada Kolej Micronet dan Kolej Cosmopolitan telah diadakan bertempat di Tingkat 2, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Hadir dalam majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar yang juga menyampaikan sijil kepada para penuntut. Majlis tersebut juga dihadiri oleh guru pengawas penempatan dari Kolej berkenaan dan beberapa pegawai dari unit-unit penuntut tersebut ditempatkan.

Seramai dua orang pelajar Kolej Micronet telah menjalani penempatan mereka di Jabatan ini sejak 1 Januari 2016 dan berakhir pada 31 Mac 2016. Manakala dari Kolej Cosmopolitan seramai tiga orang penuntut yang telah menjalani penempatan mereka di Jabatan ini sejak 4 Januari 2016 dan berakhir pada 5 April 2016. Mereka ialah Abdul Aziz Hanafi Bin Dullah, Muhammad Nurhanif Bin Haji Med Ali, Ampuan Nazirul Mubin bin Ampuan Haji Mohammad, Muhammad Nazir bin Mohammad Yusri dan Muhammad Khairulanwar Zulfadli bin Haji Kamis.

Program penempatan ini diharapkan membuka minda dan mengalami sendiri suasana alam pekerjaan. Para penuntut berkenaan juga diharap akan dapat mengenali Jabatan Penerangan secara lebih dekat lagi.



Penempatan kerja penuntut sebelum pembentangan mereka



SALAH seorang penuntut sedang menyampaikan pembentangan beliau

Taklimat Kenegaraan semai semangat patriotism

Oleh: Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PEGAWAI Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim ketika menyampaikan taklimat.



SEBAHAGIAN daripada murid Sekolah Seri Mulia Sarjana yang menghadiri taklimat tersebut.



LAGU Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ dinyanyikan oleh murid-murid Sekolah Seri Mulia Sarjana.

JANGSAK, Selasa, 1 Mac. -Murid-murid Tahun 4 dan 6, Sekolah Seri Mulia Sarjana menghadiri Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ yang diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kemasyarakatan dan Kenegaraan mendapat tumpuan oleh murid-murid Sekolah Seri Mulia Sarjana.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ yang dinyanyikan beramai-beramai.

Pegawai Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim menjelaskan, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’. Para pelajar juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video mengenai bendera negara dalam taklimat tersebut. Program berkenaan merupakan usaha Jabatan Penerangan secara berterusan untuk menyemai semangat patriotisme dalam kalangan para penuntut bagi menghormati serta menjawai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Objektif taklimat berkenaan untuk mengoptimakan penghayatan dan pemahaman terhadap lagu kebangsaan dan bendera negara, khususnya dalam kalangan para pelajar, ke arah kesedaran hidup berbangsa, beragama dan bernegara berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Tingkatkan semangat patriotik pelajar

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PENOLONG Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail semasa menyampaikan taklimat ‘Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’.

Dalam taklimatnya, beliau menekankan tatacara menaik-kibarkan Bendera Negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, ‘Allah Peliharakan Sultan’. Matlamat Taklimat Kenegaraan ini ialah menghayati dan pemahaman dalam kalangan para penuntut bagi lagu kebangsaan dan bendera negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, beragama falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi siri Program Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ di Dewan Auditorium, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan bagi menaikkan semangat patriotik dan kenegaraan yang lebih tinggi dalam jati diri para pelajar untuk menghormati serta menjawai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Pelajar-pelajar dari Tahun 8 berpeluang mendengar taklimat ‘Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’ yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.



PELAJAR-PELAJAR Tahun 8 Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) semasa mendengarkan taklimat.

Jerayawara Kenali ASEAN

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani, Shazanna Khairunnisa Abu Bakar

Foto : Azmah Haji Ahad



TAKLIMAT mengenai ‘Kenali ASEAN’ disampaikan oleh Pengawai Luar Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.

Taklimat mengenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.

Taklimat juga mengetengahkan maklumat mengenai Wawasan Brunei 2035 selaras dengan statistik perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau. Pengetahuan ini wajar diketahui oleh para pelajar bagi meningkatkan kesedaran mengenai perkembangan negara di mata serantau di samping sebagai pencetus semangat bagi mereka untuk lebih gigih memajukan tanah air bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.



JERAYAWARA ‘Kenali ASEAN’ juga menyediakan kuiz mengenai ASEAN untuk disertai oleh pelajar-pelajar tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Mac. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN bertempat di Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Pengetua STPRI, Dayang Hajah Susilawati binti Dato Paduka Haji Muhammad.



JERAYAWARA ‘Kenali ASEAN’ dihadiri oleh Pengetua Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), Dayang Hajah Susilawati binti Dato Paduka Haji Muhammad.

Jerayawara ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas mengenai ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka merupakan golongan belia yang memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara dalam mewarnai corak peradaban bangsa untuk membentuk generasi pelapis.

Program tersebut merupakan usaha berterusan Jabatan Penerangan ke arah menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan penubuhan ASEAN dalam masa yang sama mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.



SEBAHAGIAN daripada penuntut-penuntut STPRI Tahun 7,8 dan 9 mendengarkan taklimat mengenai ‘Kenali ASEAN’.

Jerayawara suntik semangat perpaduan ASEAN-ness

Oleh: Berita
Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Jerayawara Kenali ASEAN antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah.

Aktiviti berkenaan selaras dengan peranan golongan belia yang akan menjadi pemangkin hala tuju negara dalam mewarnai corak peradaban bangsa untuk membentuk generasi pelapis.

Jerayawara yang diselenggarakan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil ASEAN bagi Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COBI) diteruskan di Sekolah St. Andrew, Bandar Seri Begawan, di sini.

Selain itu, jerayawara itu adalah juga untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pelajar-pelajar sekolah mengenai ASEAN, juga untuk mengenal pasti sejauh mana para pelajar mengetahui mengenai ASEAN dengan menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN ‘Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti’ (One Vision, One Identity, One Community).

Taklimat mengenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II yang juga Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II yang juga Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan ketika menyampaikan taklimat mengenai ASEAN.

Program tersebut adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, dalam masa yang sama juga dalam mengukuhkan hubungan di antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam



SESI bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

Taklimat awal bagi penyertaan Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Negara Kali Ke-7, 2016

Oleh: Ihsan Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis 17 Mac - Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri selaku Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI), Komiti ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCl) Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Ko-kurikulum (JPKK), Kementerian Pendidikan akan menganjurkan Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Negara (National Level) Kali ke-7, 2016 pada bulan Jun 2016.

Bagi memberikan maklumat terperinci mengenai pertandingan ini kepada sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab yang telah membuat pendaftaran penyertaan, satu taklimat awal telah diadakan di Dewan Auditorium Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.



PEGAWAI dari JPKK dan Jabatan Penerangan ketika menyampaikan taklimat mengenai pertandingan tersebut.

Taklimat yang dikendalikan bersama oleh Jabatan Penerangan dan JPKK tersebut telah dihadiri oleh lebih dari 20 orang guru dari sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab kerajaan dan swasta seluruh negara. Selain taklimat ringkas mengenai latar belakang, syarat-syarat dan format pertandingan, sesi soal jawab juga turut diadakan.



TAKLIMAT awal bagi penyertaan pertandingan kuiz ASEAN Peringkat Negara kali ke-7 termasuk latar belakang, syarat-syarat dan lain-lain lagi.

Kuiz ASEAN Peringkat Negara (National Level) adalah salah satu projek yang diperkenalkan di bawah Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI), Komiti ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCl). Kuiz yang diadakan setiap dua (2) tahun sekali ini turut dikendalikan oleh setiap Negara-Negara Anggota ASEAN. Tiga (3) orang peserta terbaik dari peringkat negara berkenaan akan mewakili negara masing-masing ke Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau.

Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau pada tahun ini akan diadakan di Republik Demokratik Rakyat Lao pada bulan Ogos 2016.



ANTARA wakil-wakil daripada sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab yang membuat pendaftaran penyertaan ketika taklimat disampaikan.

Kongsi pengalaman dalam bidang penerangan

Oleh: Mohammad Rainie bin Haji Durani
Foto : Wan Mohamad Sahran bin Wan Ahmad



Semasa mendengarkan taklimat daripada Director's Consultant, Mr Manat Suebsantikul semasa lawatan ke Halal Science Center (HSC), Chulalongkorn University.



Awang Mohammad Rainie dan Wan Mohamad Sahran bergambar kenangan di ruang lobi bangunan Tourism Authority of Thailand (TAT), Kementerian Pelancongan dan Sukan, Thailand.



Delegasi merakamkan gambar kenangan sebelum mengakhiri lawatan di Khlong Phadung Krung Kasem.

DALAM mengukuhkan hubungan persahabatan dan kerjasama dalam bidang penerangan di antara kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Thailand satu Program Pertukaran Pegawai ke Bangkok Thailand telah berlangsung pada 14 hingga 18 Mac 2016 lalu.

Bagi program pertukaran kali ini Negara Brunei Darussalam telah menghantar dua orang wakil dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri iaitu Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani dan Penolong Penyunting Tingkat III, Wan Mohamad Sahran bin Wan Ahmad.

Sepanjang program tersebut berlangsung, pihak Public Relation Department (PRD) Thailand telah mengaturkan pelbagai program lawatan bagi kedua-dua pegawai dengan tujuan untuk berkongsi maklumat tentang ekonomi, kemasyarakatan, pelancongan dan kebudayaan negara tersebut. Delegasi telah dibawa melawat ke Tourism Authority of Thailand (TAT), Kementerian Pelancongan dan Sukan, Thailand; Halal Science Center, Chulalongkorn University; Masjid Bang Luang; Muzium Banglamphu; Kholng Phadung Krung Kasem Market; Dumnernsaduak Floating Market; dan Siam Niramit.

Program ini antara lain bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman serta berkongsi maklumat tentang peranan dan fungsi organisasi masing-masing dalam kerajaan di kedua-dua buah negara.

Selain itu, program pertukaran pegawai ini adalah bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman delegasi Negara Brunei Darussalam bagaimana negara Thailand mempromosikan negara mereka kepada negara luar.

Program lawatan pertukaran seumpama ini akan memberikan pendedahan mengenai bagaimana operasi media dilaksanakan di kedua-dua negara, di samping itu, program ini juga membolehkan para pengamal media kedua-dua negara saling bertukar-tukar pendapat dan ilham bagi menjamkan lagi kemahiran dalam mengendalikan kerja-kerja media.

Namun perkara yang menjadi keutamaan adalah untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand dalam pelbagai bidang yang menjadi kepentingan bersama dan antara yang menjadi perhatian kedua-dua belah pihak khususnya bidang penerangan dan media cetak.

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat / kursus / bengkel pada bulan ini:

Nama	Kursus / Bengkel / Ceramah	Tarikh
1. Dayang Nurul Hafilah binti Ali Rahman 2. Awang Mohammad Armie bin Haji Untong 3. Dayang Ernie Erma binti Haji Salihuddin 4. Dayang Nurul Hazwani binti Abu Omar 5. Dayang Siti Faizahanisah binti Awang Mahani 6. Dayangku Nur Ridzwana binti Pengiran Abdul Aziz 7. Dayang Norhafilah binti Rosli 8. Awang Zainuddin bin Muhammad Husseiin 9. Dayang Nor Ajijah binti Haji Mohammad 10. Awang Ya'akop bin Haji Mat Yasin 11. Dayang Norhanim binti Haji Tundak 12. Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Ali Hussein 13. Dayang Norsiah binti Haji Umar 14. Dayang Jurainah binti Jahit / Jait 15. Dayang Sylvina Hon Zae Leena 16. Dayang Nurul Qaidah binti Ahmad 17. Awang Mohammad Mahdi bin Haji Marsidi 18. Awang Syahi bin Haji Ludin 19. Dayang Arme Suziley Santilah binti Mohd Eriffin 20. Awang Haji Musa bin Haji Md Yassin 21. Awang Mohd Abdul Kafi bin Haji Sulaiman 22. Awang Julkifli bin Haji Rungging 23. Dayang Mariana binti Jais 24. Dayang Sadiah binti Haji Kahar 25. Dayangku Hajah Siti Mewartee binti Pengiran Haji Kahar 26. Dayang Norhasnah binti Haji Ahaim 27. Dayang Zawiyatun Ni'mah binti Mohammad Akir 28. Awang Mohammad bin Kahar	Bengkel Penggunaan Emel Kerajaan Secara Optima	05 Mac 2016
29. Awang Wahid bin Haji Halim 30. Awang Ishak bin Haji Othman 31. Awang Abdullah bin Asgar @ Askar	Kursus Persediaan Persaraan	07 - 19 Mac 2016
32. Dayang Nurul Hafilah binti Ali Rahman 33. Awang Mohammad Armie bin Haji Untong	Penyampai Bengkel Penggunaan Emel Kerajaan Secara Optima	12 Mac 2016
34. Awang Bolhassan bin Haji Abu Bakar 35. Awang Haji Ahmad bin Haji Salim 36. Awang Abu Bakar bin Haji Abd Rahman 37. Dayang Nornasyirah binti Nordin 38. Dayang Noraisah binti Muhammad 39. Wan Mohamad Sahran bin Wan Ahmadi 40. Dayang Haniza binti Abdul Latif 41. Dayang Hernie Suliana binti Haji Othman 42. Dayang Hajah Nuramanina binti Haji Hassan 43. Awang Akui bin Anam 44. Awang Esa bin Haji Sabli 45. Awang Bazlan bin Haji Besar 46. Dayang Faridah binti Haji Kaderi @ Bujang 47. Awang Safri bin Haji Talip 48. Awang Sharin bin Haji Md. Noor @ Matnor 49. Dayang Hajah Norainah binti Ibrahim 50. Dayang Asnah binti Haji Diwa	Bengkel Penggunaan Emel Kerajaan Secara Optima	12 Mac 2016

Nama	Kursus / Bengkel / Ceramah	Tarikh
51. Awang Hassim bin Haji Murah 52. Awang Suhaili @ Saipol Bahri bin Haji Mat Zin 53. Awang Asrin bin Mohammad Noor 54. Awangku Shah Herman bin Pengiran Bidin	Bengkel Penggunaan Emel Kerajaan Secara Optima	05 Mac 2016
55. Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani 56. Wan Mohamad Sahran bin Wan Ahmadi	Program Kerjasama dalam bidang Penerangan di antara kerajaan NBD & Thailand	14 - 18 Mac 2016
57. Awang Abdul Karim bin Hamdan	The 13th Conference of the ASEAN Ministers Responsible for information(AMRI) and the 4th AMRI+3 Meeting	15 - 17 Mac 2016
58. Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlii / Haji Ramli 59. Awang Mohammed bin Abdullah 60. Dayang Nur Zahirah bin Haji Osman	Aircraft Accident Response SOP Workshop	19 Mac 2016
61. Awang Mohammed bin Abdullah 62. Dayang Nur Zahirah bin Haji Osman	Bengkel Penggunaan Emel Kerajaan Secara Optima	19 Mac 2016
63. Dayang Nurul Hafilah binti Ali Rahman	Penyampai Bengkel Penggunaan Emel Kerajaan Secara Optima	19 Mac 2016
64. Awang Mohammad Hatral Hazmi bin Awang Abdul Hamid 65. Dayang Hajah Siti Zuraiyah binti Awang Sulaiman 66. Dayangku Siti Redzaimi binti Pengiran Haji Ahmad 67. Dayangku Vivy Malessa binti Pengiran Ibrahim 68. Hajah Musmariani binti Haji Mohamed 69. Awang Mohammad Zul-Izzi bin Haji Duraman 70. Awang Mohammad Sahrizal bin Haji Said 71. Awang Lim Ting Tiang 72. Awang Muhammad Halime bin Haji Tajuddin 73. Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin 74. Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Ali Mashod 75. Awang Ismale bin Abdul Rahman 76. Ampuan Roza Amalyati binti Ampuan Hussain 77. Awang Rahmat Shukurilah bin Harith / Mirah 78. Dayang Khairuneeza binti Abdullah 79. Ampuan Mohd. Daud bin Ampuan Tengah 80. Awang Haji Mohd Sahrin bin Haji Dosaman 81. Dayang Dede Sutini binti Mazziz @ Hassan 82. Dayang Timah binti OKB Haji Ali 83. Awang Anang Idris bin Haji Ramli 84. Dayang Salina binti Wahab 85. Awang Khairul Shaharim bin Haji Abdul Ghafor 86. Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah 87. Awang Haji Masamaleh bin Haji Mohd. Ali 88. Awang Mohammad Ike Iqrami bin Haji Suhaimi	Bengkel Penggunaan Emel Kerajaan Secara Optima	19 Mac 2016
89. Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A. Ahmad 90. Awang Musa bin Mohidin 91. Awang Haji Dayang bin Haji Kasim 92. Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya 93. Dayang Hajah Hamsah bin Datu Kerna Haji Jaya	Bengkel Power Point	24 Mac 2016

Nama	Kursus / Bengkel / Ceramah	Tarikh
94. Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid 95. Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlie / Haji Ramli 96. Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail 97. Dayang Ezawati Hanim binti Abdullah @ Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar 98. Dayang Hajah Zabaidah binti Haji Salat 99. Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani 100. Awang Mohammed bin Abdullah 101. Awang Mohamad Azmi bin Awang Damit 102. Awang Abdul Karim bin Hamdan 103. Awang Mohammad Hisyam bin Idris 104. Awang Wahid bin Haji Halim 105. Awang Haji Salleh bin Haji Yusof 106. Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi 107. Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail 108. Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad 109. Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris 110. Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar 111. Awang Haji Rahime @ Haji Maznibi A. Haji Anuar 112. Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh 113. Awang Ah Chua bin Bangau 114. Awang Isa bin Haji Abdul Rahman 115. Awang Mohd Adi Zamhari bin Haji Awang Yahya	Bengkel Power Point	24 Mac 2016
116. Dayang Nurul Hafilah binti Ali Rahman	Penyampai Bengkel Penggunaan Emel Kerajaan Secara Optima	26 Mac 2016
117. Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlie / Haji Ramli 118. Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail 119. Awang Hamzah bin Mohidin 120. Dayang Rohani binti Haji Abdul Hamid 121. Dayang Saerah binti Haji Abd Ghani 122. Pengiran Amirul Nizam bin Pengiran Haji Mohd. Ali 123. Dayang Azmah binti Haji Ahad 124. Awang Muhammad Asri bin Haji Awang Abas 125. Awang Haji Shamsuddin bin Haji Omar 126. Awang Mohd. Suhud bin Haji Bungsu 127. Awang Shari bin Haji Garip 128. Awang Mohd. Rusli bin Abdullah @ Gandok 129. Dayang Jorrani binti Haji Zainal 130. Dayang Indradiana binti Sahak 131. Awang Haji Muhammad Hidayatullah bin Abdullah Ang 132. Awang Mohammad Nor Amirudin bin Haji Brahim 133. Awang Haji Sufri bin Haji Jamil 134. Awang Nordy bin Tabong 135. Awang Muhammad Hafizhuddin bin Tasad 136. Dayang Mas'ayu binti Perwira Asgar Haji Abdullah 137. Awangku Mohammad Noor Zainismandy bin Pengiran Haji Ismail 138. Dayang Hajah Rohayah binti Haji Awang Japar 139. Dayang Juliana binti Mindas	Bengkel Penggunaan Emel Kerajaan Secara Optima	26 Mac 2016
140. Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Alioma	Women Executive Roundtable	30 Mac 2016

St. George juara Pertandingan Koir, Lagu Patriotik

Oleh: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Mohammad Fakhri Jamil

Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Mac. - Sekolah St. George muncul juara dalam Pertandingan Peringkat Akhir Koir Lagu Kanak-kanak Brunei Antara Sekolah-sekolah Rendah Senegara Kali Ke-5 Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 Tahun 2016 yang berlangsung di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan, di sini.

Naib juara, Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhd. Jaafar, Kiarong, diikuti oleh Sekolah Seri Mulia Sarjana, Kampung Jangsak di tempat ketiga.

Sementara itu bagi Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik Antara Sekolah-sekolah Menengah dan Maktabs-maktab Senegara Kali Ke-22 pula juga disandang oleh Sekolah St. George dengan membawa lagu "Anak Brunei".

Sekolah Seri Mulia Sarjana, Kampung Jangsak dan Sekolah St. John pula masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Pertandingan yang merupakan anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Akli khasnya, antara lain bertujuan memantapkan jati diri anak bangsa sesuai dengan moto Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan tahun ini iaitu "Generasi Berwawasan".

Turut hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, guru-guru besar, para pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan dan KKBS serta guru-guru dan pelajar-pelajar.

Kenaikan pangkat pegawai di Jabatan Penerangan :



Dayang Dona Azfina binti Ibrahim
sebagai Pegawai Luar Penerangan
Tarikh berpindah: 26 Mac 2016

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Fax : 2382242